



## ATRON ENTERPRISES

Atron Enterprises Sdn. Bhd, sebuah syarikat milik swasta, ditubuhkan pada tahun 1993. Pada tahun 2007, pengasas dan pengarah urusan David Larkin telah memperbadankan syarikat tersebut dan mengukuhkan dengan berjaya kemahiran dan pengetahuan yang diperolehi selama lebih dari 20 tahun dalam operasi pemerosesan daging.

Atron dipusatkan di pantai timur New South Wales, nadi pengeluar utama daging lembu Australia.

Sejak tahun-tahun kebelakangan ini, Atron telah memenangi banyak anugerah untuk daging lembunya. Pada tahun 2009 dan 2010 Atron bangga dipilih menjadi peserta akhir di upacara Anugerah Pengekspot Tahunan Perdana Menteri NSW Australia - dan pemenang Anugerah Pengekspot Tahunan Asia pada tahun 2009. Ini menyerlahkan bukti kepimpinan ekspot Atron di Australia.

## PENGARAH URUSAN- DAVID LARKIN

Seorang pengusaha yang luar biasa, David Larkin diperakui sebagai salah seorang perancang strategik yang terulung bagi perindustrian daging lembu di Australia. Beliau merupakan seorang wakil yang bersemangat dalam lembaga-lembaga penasihat perindustrian daging lembu tempatan, negeri, kebangsaan dan antarabangsa. David mempunyai pengalaman lebih dari 20 tahun dalam Industri Daging Lembu Australia.

David Larkin adalah pengerusi Majlis Industri Daging Lembu Australia (AMIC) untuk Victoria, dan timbalan pengerusi Majlis Ekspot Daging Lembu Nasional.

## DAGING LEMBU ATRON

Rangkaian luas jenama Atron merangkumi jenama-jenama premium yang digred dan diperakui oleh Piawaian Daging Australia (MSA), termasuk suatu julat yang luas dan berkualiti tinggi dari segi jenama daging lembu yang diberi pemakanan rumput dan bijiran.

Atron mempunyai pengalaman yang luas dalam perindustrian daging lembu serta pemahaman yang mendalam mengenai ciri-ciri kompleks kawasan-kawasan pertanian dan baka-baka ternakan. Atron telah menyempurnakan kemahiran dalam persiapan dan pengusuaian daging lembu untuk meningkatkan kualiti dan rasa. Daging lembu Atron adalah dihasilkan dari ternakan yang diperolehi secara langsung daripada pengeluar-pengeluar eksklusif yang mempunyai rekod yang luar biasa untuk daging lembu dari segi kualiti yang luar biasa. Hasilannya adalah disesuaikan dengan keperluan khusus daripada para pelanggan dan pasaran.

## KESINAMBUNGAN BEKALAN

Penglibatan mendalam Atron di seluruh rantai bekalan- dari padang ke piring- memastikan tahap kualiti yang konsisten dan bekalan yang sentiasa ada dan boleh dipercayai.

## KUALITI, KESELAMATAN DAN KETULUSAN DAGING LEMBU

Sebagai seorang wakil yang ghairah dan terampil bagi banyak lembaga penasihat perindustrian daging lembu, David terlibat secara mendalam dalam menetapkan piawaian bagi industri daging lembu di Australia. Atron bekerja dengan rapat dengan badan-badan industri, dan rantai bekalan, untuk memastikan jaminan kualiti pada tahap yang tertinggi.

Hal ini diperkuatkan dengan pempiawaian perindustrian yang ketat di Australia serta sikap Atron yang tidak akan bertolak-ansur dari segi kawalan kualiti dan prosidur-prosidur jaminan.

Atron memberi keutamaan mutlak kepada nilai-nilai amalan terbaik terhadap ketulusan produk, keselamatan produk dan konsistensi.

## PASUKAN ATRON

Pasukan Atron yang merupakan janakuasa pengetahuan dan pengalaman dalam industri ini, berasa bangga dengan sikap mereka yang tidak berkompromi dengan kualiti produk Atron serta perkhidmatannya kepada pelanggan. Atron terkenal dengan ketulusan mereka. Ia boleh diharapkan dalam apa jua keadaan pun baik maupun yang buruk.

## PRODUK HEBAT, PERKHIDMATAN TERULUNG, HARGA BERPATUTAN- DAN HANTARAN TEPAT PADA MASANYA.

Nilai-nilai ini menyokong prestasi Atron dalam pasaran-pasaran ekspot dan Australia.



## HUBUNGI

### David Larkin, Pengarah Urusan

Butiran Alamat: **The Station**  
**109 Greens Road**  
**Wyndham Vale VIC 3024**  
**Australia**

Telefon: **+61 408 797 721**  
Faks: **+61 3 8742 6945**  
E-mel: **sales.atron@iinet.net.au**  
Laman Web: **www.atron.com.au**



**PREMIER'S NSW**  
**EXPORT AWARDS**  
Australian Institute of Export

2011 Highly Commended: Sustainable Exporter